

03/02/2002

Putrajaya gamit pengunjung

Hazirah Che Sab

PUTRAJAYA - bandar baru yang menempatkan jentera pentadbiran Kerajaan Persekutuan kini semakin menjadi buah mulut pelancong kerana keunikan, keindahan dan pelbagai daya tarikan yang ada padanya.

Reka bentuk bangunan, susunan landskap, kemudahan beriadah dan beribadat menambah seri Putrajaya yang hanya 30 minit hingga satu jam perjalanan dari Kuala Lumpur.

Oleh itu, tidak hairanlah, walaupun kewujudannya baru setahun jagung, Putrajaya sudah berjaya menarik hampir setengah juta pelancong tahun lalu dan kira-kira 150,000 daripada jumlah itu adalah pelancong asing.

Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, berkata pelbagai langkah diambil bagi menggalakkan kedatangan pelancong seperti pembinaan pusat membeli-belah, hotel, restoran, kawasan rekreasi dan sebagainya.

Mercu tanda terbaru yang pasti menjadi perhatian ialah kewujudan Rumah Kelab Tasik Putrajaya yang menawarkan pelbagai kemudahan sukan air seperti berkenu, berkanu dan sebagainya.

Kelab itu yang kini sedang menunggu dalam proses pendaftaran mengandungi tiga tingkat dan dilengkapi kemudahan seperti kolam mandi, bilik mesyuarat, restoran serta bilik latihan sukan air.

Bagaimanapun, tingkat atas kelab itu serta kemudahan seperti kolam mandi dan bilik mesyuarat hanya dibuka kepada ahli. Sementara bahagian lobi dan tingkat bawah dibuka kepada awam.

Timbalan Pengarah Pembangunan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Bandar, Mohammad Salleh, berkata kelab itu ditubuhkan untuk kemudahan awam terutama penduduk sekitar Putrajaya.

"Ia juga bertujuan memperkenalkan sukan rekreasi air seperti berkenu dan berkanu. Bagaimanapun, sukan air bermotor tidak dibenarkan," katanya.

Selain itu, Suoq atau bazar dalam bahasa Arab yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu juga bakal menjadi perhatian pengunjung.

Azizan berkata, Suoq dibina dengan mempunyai persamaan dengan bazar di negara Arab bagi menarik lebih ramai pelancong negara berkenaan berkunjung ke Putrajaya.

Tidak ketinggalan juga pembinaan Taman Warisan Pertanian yang mempamerkan pelbagai keluaran pertanian komersial yang pernah dan menjadi pendapatan negara.

Azizan berkata, rempah, buah-buahan tempatan, getah, minyak kelapa sawit, lada hitam dapat dilihat di taman itu.

"Selama ini, kita mungkin hanya kenal nama tetapi tidak pernah melihat barangan itu. Kunjungan ke Taman Warisan Pertanian akan mengenalkan kita kepadanya.

"Kita juga bercadang mengadakan bazar buah-buahan yang konsepnya seperti Pasar Tani. Bezanya, kita menjual hasil buah-buahan yang ditanam di situ dan ada juga yang dibawa dari tempat lain," katanya.

Taman Wetland juga harus dikunjungi jika anda ke Putrajaya kerana pelbagai kemudahan sedang giat dibina seperti kemudahan berkhemah bagi membolehkan anda dan keluarga berkhemah sambil menikmati pemandangan indah.

Selain menjanjikan tempat menarik, Putrajaya juga menyediakan pelbagai projek untuk menggamit kedatangan pengunjung. Antaranya memancing ikan yang bakal menjadi acara tahunan dalam kalendar pelancongan Putrajaya.

Hari ini, diadakan Pertandingan Memancing Putrajaya sempena sambutan Hari Wilayah, Jumaat lalu.

Pihak perbadanan bercadang menganjurkan pertandingan memancing di Tasik Putrajaya dua kali setahun iaitu sempena sambutan Hari Wilayah pada Februari dan sambutan bulan kemerdekaan pada Ogos setiap tahun.

"Memancing adalah satu daya tarikan ke Putrajaya dan terbukti dalam pertandingan yang lalu ramai pelancong datang dan melihat sendiri pembangunan Putrajaya.

"Menerusi pertandingan memancing juga boleh mendedahkan kepada dunia apa yang sudah dilakukan Perbadanan Putrajaya terutama pembangunan yang mesra alam sekitar.

"Malah ikan di Tasik Putrajaya sudah membiak dengan banyaknya dan ini adalah bukti kepada penjagaan alam sekitar yang ditekankan dalam pembangunan Putrajaya," kata Azizan.

Beliau berharap kaki pancing dan orang ramai yang datang ke Putrajaya pada hari pertandingan nanti dapat menjaga alam sekitar terutama kebersihan di sekitar lokasi pertandingan.

"Saya yakin dengan alam sekitar yang bersih, pemancing yang datang akan mencontohi kebersihan itu dengan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan," katanya.

(END)